

Headline	Sistem penarafan mampu perbaiki kedudukan IPT
Date	17. May 2008
Media Title	Berita Harian
Section	Nasional
Circulation	217920
Readership	2083000
Language	MALAY
Page No	10
Article Size	351 cm²
Frequency	Daily
Color	Full Color



BAIKI MUTU: Mohamed Khaled (kanan) dan Idris (kiri) bersama sebahagian pasukan penyelidikan sistem penerapan IPTA menunjukkan buku laporan sistem penerapan IPTA di Putrajaya, semalam.

Sistem penarafan mampu perbaiki kedudukan IPT

Oleh Azrina Ahzan

PUTRAJAYA: Pelaksanaan Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Awam (Setara) mampu membantu institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan memperbaiki kedudukan masing-masing pada peringkat antarabangsa.

Menyatakan hal ini, Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata Setara yang dilaksanakan setiap dua tahun oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) akan mengenal pasti kekuatan dan kelemahan IPT tempatan mengikut tiga kategori yang diperkenalkan.

Katanya, sistem sama yang turut dilaksanakan di Thailand, Turki, Amerika Syarikat dan United Kingdom itu akan membolehkan IPT tempatan melaksanakan usaha penambahan bagi memperbaiki kedudukan mereka pada peringkat antarabangsa.

"Kita mesti mempunyai kaedah tertentu untuk mengukur kedudukan IPT kerana ia boleh membantu mereka memperbaiki kedudukan mereka pada peringkat antarabangsa.

"Ia kerana kita mahu IPT memberi tumpuan kepada laporan Times Higher Education Supplement (THES) berpanduan

kan penanda aras yang ditetapkan dalam Setara," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Penarafan IPT 2007 di sini, semalam.

Hadir sama, dua timbalannya, Datuk Idris Harun dan Dr Hou Kok Chung; Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Dr Zulkefli A Hassan dan Ketua Pegawai Eksekutif MQA, Datuk Dr Syed Ahmad Hussein.

Setara membahagikan IPT kepada tiga kategori iaitu universiti berintensifkan penyelidikan, universiti umum dan universiti khusus.

Ia mengukur daya saing dan membolehkan pengurusan 17 IPT terbabit memantau segala aspek pengurusan bagi memperbaiki kedudukan mereka berdasarkan enam domain dan 87 indikator yang ditetapkan.

Dalam laporan yang dibentangkan semalam, Universiti Malaya (UM) mengungguli kelas universiti berintensifkan penyelidikan dengan skor cemerlang diikuti Universiti Pertanian Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia yang masing-masing memperoleh skor sangat baik manakala Universiti Sains Malaysia (USM) menduduki tempat keempat dengan skor baik.

Empat lagi IPT iaitu Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) dipilih ke kelas Universiti Umum.

Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Teknologi Tun Hussein Onn Malaysia, Universiti Malaysia Perlis, Universiti Malaysia Terengganu, Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Universiti Malaysia Pahang pula dipilih ke kelas Universiti Khusus.

Mengenai program universiti apex di kalangan universiti tempatan seperti yang diumumkan dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN), Mohamed Khaled berkata setakat ini tujuh IPT masing-masing lima IPTA dan dua IPTS sudah mengemukakan permohonan untuk menyertai program itu.

Bagaimanapun, beliau enggan mendedahkan nama IPT terbabit kerana keputusannya akan diumumkan dalam tempoh dua bulan lagi.